

RANCANGAN PERNIAGAAN ETR 300

MEDIG SOCKS ENTERPRISE

PENGELUARAN SARUNG KAKI KESIHATAN WANITA

DISEDIAKAN OLEH

SY. FAIRUL AFIS SY. MUSTAPHA	96673265
SHAHRUL AFFENDI ABD. HALIM	96822502
NURUL FITRI MOHD. NOOR	96673384
MOHD. KHAIRY RAMLI	96651768
ZAHIDI JOHARI	96591694

DIPLOMA PERAKAUNAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	M/S
SURAT PENYERAHAN	III
PENGHARGAAN	IV
LOGO SYARIKAT	VI
PENGENALAN PERNIAGAAN	1
OBJEKTIF RANCANGAN PERNIAGAAN	2
PERJANJIAN PEKONGSIAN	4
LATAR BELAKANG PERNIAGAAN	8
RANCANGAN PENTADBIRAN	12
RANCANGAN PEMASARAN	23
RANCANGAN OPERASI	35
RANCANGAN KEWANGAN	50
PENUTUP	68
LAMPIRAN	

PENGENALAN PERNIAGAAN

Kami telah menubuhkan sebuah perkongsian yang menjalankan aktiviti pengeluaran stokin kesihatan wanita. Perkongsian ini ditubuhkan pada 1 Jun 1999 dengan menggunakan nama pendaftaran Medic Socks Enterprise. Bangunan perniagaan kami dua tingkat, dimana tingkat atas digunakan untuk pejabat pentadbiran manakala tingkat bawah pula diperuntukkan untuk operasi pengeluaran. Bagunan ini terletak di NO 155-159, Taman Tunku Hosna Fasa II, Jalan Tanjung Bendahara, 05300 Alor Setar, Kedah. Kawasan ini dipilih sebagai kawasan perniagaan kerana kawasan ini merupakan kawasan perindustrian yang terletak diluar kawasan bandar Alor Setar. Kawasan ini juga lengkap dengan segala kemudahan infrastruktur dan sewa tapak kawasan ini juga berpatutan serta dapat menjimatkan kos kami.

Kami memulakan perniagaan pada 1 Januari 2000 dengan modal berbayar sebanyak RM 100,000 dan aset (lekapan dan lengkapan) sebanyak RM35400. Serta pinjaman dari Bank Islam melalui skim Sewa beli dan Sewa pajak sebanyak RM 209,000. Berdasarkan kajian dan pemerhatian yang telah kami jalankan secara rambang, kami dapati masyarakat hari ini sangat mementingkan kesihatan. Justeru itu kami membuat kesimpulan bahawa penggunaan sarung kaki kesihatan merupakan satu alternatif kesihatan kerana seperti yang kita ketahui seluruh urat saraf manusia terletak pada tapak kaki. Produk kami dikhurasukan kepada wanita, memandangkan wanita hari ini diancam berbagai -bagai jenis penyakit berbahaya. Sarung kaki ini yang dilengkapi dengan bahan seramik mampu untuk mecegah serangan penyakit-penyakit berbahaya tersebut terutamanya barah.

OBJEKTIF RANCANGAN PERNIAGAAN (RP).

1. Memenuhi kehendak dan keperluan kursus ETR 300.
2. Menyahut seruan kerajaan untuk menambah bilangan usahawan bumiputra.
3. Menggalakkan aktiviti keusawanan untuk meningkatkan taraf ekonomi negara, terutamanya taraf hidup bumiputra.
4. Menyediakan garis panduan untuk melicinkan perjalanan operasi perniagaan.
5. Meningkatkan dan menambahkan pengalaman pelajar ITM untuk menghadapi cabaran masa hadapan.
6. Meningkatkan tahap kesedaran tentang kesihatan kaki di kalangan kaum wanita.
7. Mengurangkan pengimportan barang atau produk kesihatan, terutamanya stokin wanita.
8. Menyediakan produk yang mampu dibeli oleh setiap lapisan masyarakat.

RINGKASAN RANCANGAN PERNIAGAAN.

Selaras dengan pembangunan yang pesat dalam negara ini. Medic Socks Enterprise wujud dengan megahnya untuk menampung keperluan kesihatan yang pada permulaannya tertumpu khusus untuk kaum wanita. Memandangkan pada masa sekarang kesihatan adalah tunjang utama dalam kehidupan sehari-hari kita.

Perniagaan yang kami jalankan adalah perniagaan barang kesihatan iaitu stokin kesihatan wanita. Perniagaan ini adalah perniagaan pertalian kontrak ,secara tidak langsung kami tidak mempunyai pesaing dalam pengeluaran tetapi kami menghadapi pesaingan untuk merebut kontrak sahaja.

Memang tidak dinafikan sebagai syarikat yang baru, kami akan menghadapi pelbagai masalah , tetapi kami akan menganggap kesukaran ini sebagai risiko untuk maju kehadapan. Segala susah senang kami akan tewuh bersama-sama.

Dalam rancangan perniagaan ini kami telah mengatur pelbagai strategi untuk membuktikan bahawa kami mampu untuk maju dan seterusnya harapan kami kepada pembaca kertas kerja ini dapat mengetahui betapa lumayan pulangan modal dan disamping keberkesanan barang yang kami untuk digunakan melalui perniagaan.